

Apa itu bersunat

Bersunat atau berkhitan, merupakan satu upacara yang sangat sinonim dengan individu beragama Islam. Namun sebenarnya terdapat juga fahaman Yahudi dan ajaran Kristen yang menganjurkannya.

Malaysia, sebagai negara yang mengamalkan Mazhab Syafie, menegaskan bahawa amalan berkhitan adalah wajib bagi sama ada bagi individu lelaki mahupun wanita. Keengganan untuk melakukannya dianggap sebagai berdosa kerana telah melanggar kewajipan yang disyariatkan dalam Islam.

Seperti yang dinyatakan, bersunat atau berkhitan ini adalah perkara yang wajib dilakukan bagi lelaki mahupun perempuan,

Bersunat merupakan satu proses membuang lebih kulit yang menutupi kepala zakar atau berlebihan pada hujung zakar (preputial skin). Umumnya, ia membuang anggota badan yang menjadi tempat pengumpulan kotoran, virus dan najis. Prosedur ini dalam bahasa Inggris dikenali sebagai circumcision

Kenapa perlu bersunat?

Lazimnya, kebanyakan prosedur khitan yang dilakukan di Malaysia adalah kerana tuntutan agama atau dinamakan ritual circumcision, di mana prosedur ini dilakukan pada zakar yang normal.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa keadaan kesihatan yang mendasari menyebabkan prosedur berkhitan ini perlu dilakukan. Antaranya:

Phimosis

Di mana pembukaan kulit pada hujung terlalu sempit dan menghalang aliran kencing atau paraphimosis akibat kulit hujung zakar tersekat di belakang kelenjar. Ia bertindak seperti pencerut di bahagian proximal corona.

Kelainan pada kulit

Prosedur bersunat dilakukan untuk memudahkan proses memasukkan tiub ke dalam saluran kencing bagi membolehkan individu melakukan clean self catheterization. Keadaan ini seperti pundi kencing tidak dapat berfungsi dengan baik. Ia juga mendedahkan individu berkenaan untuk mendapat jangkitan saluran kencing.

Kulit tersepit

Berkhitan juga perlu dilakukan apabila berlaku kes yang mengakibatkan kecederaan pada kulit di hujung zakar seperti kulit zakar tersepit dengan zip.

Kelebihan bersunat?

Sebenarnya terdapat beberapa faedah yang membuktikan bahawa bersunat ini mendatangkan manfaat kepada kesihatan seseorang individu.

Jangkitan saluran kencing (UTI)

Melakukan proses berkhitan ini mengurangkan kemungkinan risiko 10 hingga 14 kali untuk mengalami UTI yang disebabkan oleh pengumpulan virus dalam lebih kulit sebelum ia merebak ke sistem saluran kencing.

Kanser alat kelamin

Membuang lebih kulit ini akan dapat mengurangkan risiko kanser pada 3 hingga 4 kali. Ini kerana kebanyakan kanser berlaku pada bahagian lebih kulit ini.

Penyakit kelamin

Selain mengurangkan risiko untuk mengalami kanser alat kelamin, bersunat juga mengurangkan risiko jangkitan tiga jenis penyakit kelamin atau STD, iaitu HIV, sifilis dan chancroid.

Balanitis Xerotica Obliterans (BXO)

Merupakan satu masalah berkaitan keradangan pada hujung zakar dan mengeras. Ia merupakan keadaan yang jarang berlaku dan boleh dirawat dengan antibiotik, tetapi ia mempunyai kecenderungan untuk berulang. Bersunat dikatakan dapat menghindari daripada berlakunya pengulangan.

Tip penjagaan selepas bersunat

Selepas selesai prosedur bersunat, mestilah ada cara penjagaan yang perlu dilakukan untuk memastikan luka cepat kering. Jom ketahui apakah cara penjagaan selepas bersunat yang perlu dilakukan.

Buka balutan

Dalam tempoh selepas 48 jam atau dua hari selepas bersunat, tip penjagaan selepas bersunat yang pertama adalah untuk memastikan luka balutan gauze dibuka. Untuk dua hari pertama, anda perlu memastikan hujung lubang penis di basuh dengan bersih setiap hari selepas membuang kencing.

Cucian luka

Selepas menanggalkan balutan gauze itu, luka pada penis perlu dicuci dengan rapi. Proses ini dinamakan sebagai wound dressing. Anda boleh mencuci luka sunat dengan cecair normal saline yang dijual di farmasi atau klinik. Cucian perlu dilakukan tiga hingga empat kali sehari. Anda perlu memastikan keadaan bahagian luka sunat tersebut sentiasa kering.

Jangan kopek

Pastikan anda memastikan bahagian kuping luka tidak digosok atau disental dengan kuat. Keping itu biasanya akan tertanggal dengan sendiri apabila ia selalu dicuci dan terkena air semasa mandi.

Kuping melekat

Jika kuping luka melekat dan tidak tertanggal, terdapat dua langkah yang boleh dilakukan. Pertamanya adalah dengan merendam penis anak ke dalam bekas kecil berisi cecair normal saline untuk tempoh tiga hingga lima minit dan diulang tiga ke empat kali sehari.

Bengkak

Selepas berkhatah adalah menjadi kebiasaan untuk penis anak menjadi sedikit bengkak. Keadaan bengkak itu juga dikenali sebagai bentan dalam kalangan kaum Melayu. Walaupun situasi ini adalah biasa untuk berlaku, tetapi terdapat beberapa simptom dan gejala yang perlu diperhatikan, seperti:

- Bengkak terlalu besar
- Kulit sekitar kawasan bengkak menjadi kemerah-merahan
- Terdapat cecair likat seperti nanah
- Rasa berdenyut dan sakit
- Terasa sakit ketika kencing
- Kawasan luka berdarah
- Demam

Jika berlaku simptom di atas, anak anda berkemungkinan besar mengalami jangkitan. Sila berjumpa dengan doktor dengan segera.

Pemakanan

Adalah satu kebiasaan untuk mendengar mengenai pelbagai petua selepas berpantang, namun sebaiknya pastikan anak anda tetap diberikan makanan berkhasiat dan bernutrisi. Ia adalah untuk memastikan luka segera sembuh. Pastikan anda memberikan anak air kosong yang mencukupi supaya kekal hidrasi.

Jika luka berdarah jangan panik. Tekap dan tekan dengan kain bersih beberapa 10-20 minit sehingga ia berhenti

Pantang makanan yang boleh menyebabkan gatal kepada anak contohnya udang, telur dan sebagainya

Komplikasi bersunat

Pendarahan

Jika berlaku pendarahan lakukan gentle compression. Sekiranya pendarahan berterusan, pastikan anda membawa anak untuk berjumpa doktor pada kadar yang segera untuk menghentikan pendarahan.

Jangkitan kuman

Pastikan tempat pembedahan sentiasa bersih untuk mengelakkan jangkitan kuman, jika berlaku perlu mendapat rawatan doktor.

Kecederaan pada penis

Situasi ini mesti dielakkan dengan melakukan prosedur dengan cermat, sebarang kecederaan mesti dirawat dengan segera bagi mengelakkan komplikasi lebih serius.

Masalah kencing Sekiranya anak anda menghadapi masalah kencing selepas berkhatah, mereka perlu mendapat rawatan doktor dengan segera.

Jika luka berdarah jangan panik. Tekap dan tekan dengan kain bersih untuk 10-20 minit sehingga ia berhenti



**Penolong Pegawai Perubatan
Klinik SFUC
Hospital Sultanah Aminah
Johor Bahru**